

Editorial Notes

Cite this editorial: Borham, A. H. (2025). Editorial Notes. AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture, 3(2), i-iv. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol3.2.12.2025>

Jurnal AL-MAKRIFAH, vol. 3, Issue 2 mengandung artikel-artikel yang memfokuskan kepada bidang akidah, syariah, pendidikan Islam, tahfiz, bahasa Arab, sejarah dan pemikiran Islam. Artikel pertama membincangkan tentang integrasi pemikiran kritis ke dalam pengajaran Usul al-Fiqh dari perspektif Islam, menangani kekurangan strategi pedagogi berstruktur dalam kurikulum pendidikan Islam. Ia bertujuan untuk mengetengahkan kepentingan pemikiran kritis yang berakar umbi dalam al-Quran dan pemikiran Islam klasik, dan mencadangkan kerangka konseptual untuk menerapkan pemikiran kritis ke dalam pengajaran Usul al-Fiqh. Terdapat lima elemen utama pemikiran kritis Islam telah dikenal pasti: tazakkur (zikir), ta'aqqul (analisis rasional), tadabbur (renungan), tafakkur (refleksi), dan tafaquh (pemahaman mendalam). Komponen-komponen ini dirumuskan menjadi model berstruktur untuk meningkatkan perkembangan intelektual pelajar.

Artikel kedua membincangkan tentang kaedah murajaah, atau pengulangan ayat-ayat hafalan al-Quran secara sistematik. Kaedah ini penting dalam pengajian al-Quran, yang menyediakan penghafalan, kefasihan lisan, dan hubungan rohani melalui strategi penghafalan. Perbincangan merangkumi tiga aspek penting: elemen teknologi integrasi, pendekatan pendidikan, dan pelaksanaan. Kerangka falsafah dan bantuan teknologi seperti aplikasi kecerdasan buatan (AI), pengecaman pertuturan, dan pemprosesan bahasa semula jadi (NLP) al-Quran telah menemui peningkatan penggunaan untuk memudahkan murajaah, terutamanya dalam kalangan pelajar yang terdesak masa atau tidak mempunyai akses yang munasabah kepada guru. Walau bagaimanapun, ianya tidak mempunyai ketepatan yang sama dalam hal petikan, akomodasi budaya, atau pengesahan empirikal apabila digunakan dalam pembelajaran. Teknik pendidikan seperti pemantauan prestasi, semakin berpandukan rakan sebaya, dan prinsip pendidikan agama Islam boleh diambil sebagai prinsip asas dalam mengawal selia aktiviti murajaah. Kaedah ini meningkatkan daya ingatan dan minat pelajar apabila digabungkan dengan kaedah yang betul seperti Qiraat Murajaah dan latihan Hifz.

Artikel ketiga membincangkan tahap minat serta motivasi murid terhadap pembelajaran tilawah al-Quran di sekolah menengah kebangsaan. Ia meliputi aspek utama, iaitu minat yang lahir dari faktor dalaman dan luaran, motivasi intrinsik dan ekstrinsik, pencapaian murid dari aspek kelancaran bacaan, fasahah dan bertajwid, hafazan dan kefahaman intisari ayat al-Quran. Dapatan kajian menunjukkan purata min faktor minat dalaman responden terhadap pembelajaran tilawah al-Quran di tahap tinggi (min=4.21) faktor minat luaran di tahap sederhana (min=3.18), faktor motivasi intrinsik di tahap tinggi (min=4.33), faktor motivasi ekstrinsik di tahap tinggi (min=4.26), pencapaian dari aspek kelancaran bacaan, fasahah dan tajwid dalam bidang tilawah al-Quran di tahap tinggi (min=4.03), pencapaian dari aspek hafazan dalam bidang tilawah al-Quran di tahap tinggi (min=4.11), dan kefahaman intisari ayat al-Quran dalam kalangan responden di tahap tinggi (min=4.11). Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan minat dan motivasi dengan pencapaian dalam pembelajaran tilawah al-Quran ($p < .001$). Ia menunjukkan minat dan motivasi mempengaruhi pencapaian murid serta memberikan kesan terhadap prestasi murid dalam bidang tilawah al-Quran.

Artikel keempat, membincangkan tentang pengaruh pembelajaran ilmu turath terhadap guru agama Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Tujuan utama adalah mengenal pasti keperluan ilmu turath serta kesannya terhadap penguasaan ilmu dan akhlak guru. Kepentingan kajian ini terletak pada isu kekurangan guru berkemahiran dan penguasaan silibus KBD. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penguasaan ilmu turath amat penting kerana ia menjadi asas dalam pengajaran mata pelajaran Usuluddin, Syari'ah dan Turath. Guru yang menguasai turath lebih yakin, mampu menghubungkan tradisi dengan isu kontemporari serta memberi kesan positif kepada pengajaran dan pembelajaran. Dari aspek akhlak, kebanyakan guru berpendapat turath membantu pembentukan sahsiah, walaupun kesannya bergantung kepada individu. Kesimpulannya, penguasaan ilmu turath merupakan elemen penting dalam melahirkan guru KBD yang berpengetahuan, berkeyakinan dan berakhlak mulia.

Artikel kelima, membincangkan tentang perkembangan menurut Abū al-Muzaffar al-Isfarāyīnī tentang al-Firqah al-Nājiyyah (golongan yang selamat) sebagaimana yang dijelaskan dalam kitab al-Tabṣīr fī al-Dīn wa Tamyīz al-Firqah al-Nājiyyah 'an al-Firqah al-Hālikīn. Fokus utama dalam kajian ini adalah menjelaskan kedudukan dan ciri-ciri Ahli Sunah Waljamaah (ASWJ) sebagai kelompok yang berpegang kepada ajaran Islam berteraskan al-Quran, Sunnah, ijmak dan qiyas. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan teks klasik dan sejarah perkembangan firqah dalam Islam. Hasil kajian mendapati bahawa Abū al-Muzaffar telah membahagikan kandungan kitab al-Tabṣīr fī al-Dīn wa Tamyīz al-Firqah al-Nājiyyah 'an al-Firqah al-Hālikīn kepada dua bahagian, iaitu golongan yang sesat dan golongan yang selamat. Beliau telah menyenaraikan 72 golongan sesat serta ciri-ciri kesesatan golongan tersebut, dan menegaskan bahawa hanya Ahli Sunah Waljamaah yang berpegang dalam prinsip kebenaran. Implikasi kajian ini menunjukkan kepentingan memelihara aqidah umat Islam daripada penyelewengan serta menjadi panduan dalam memahami akidah Ahli Sunah Waljamaah (ASWJ).

Artikel keenam, membincangkan tentang peranan ibu bapa dalam mendidik anak untuk memahami dan menghayati akidah Islam. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penyertaan ibu bapa dalam program pengajian berkaitan akidah di masjid atau pusat pengajian dan di atas talian, mengenal pasti pendekatan ibu bapa dalam memantapkan kefahaman akidah, dan menganalisis kefahaman ibu bapa terhadap cabaran dunia dalam mendidik anak. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan dengan kaedah kuantitatif. Dapatan kajian menunjukkan purata min tinggi bagi konstruk penyertaan responden dalam program-program pengajian berkaitan akidah di masjid atau pusat pengajian (min= 3.68), dan penyertaan dalam program pengajian berkaitan akidah di atas talian (online) (min=3.88). Dapatan juga menunjukkan purata min sangat tinggi bagi konstruk pendekatan responden dalam memantapkan anak memahami akidah Islam (min= 4.39), dan kefahaman responden mendidik anak dalam menghadapi cabaran dunia semasa (min= 4.05). Implikasi kajian menunjukkan penyertaan program pengajian berkaitan akidah Islam telah memberikan kesan positif dengan mendorong pendekatan yang efektif dalam mendidik anak memahami akidah Islam dan memahami cabaran dunia semasa. Keperluan golongan ibu dan bapa mendapat pendedahan dalam penggunaan teknologi komunikasi terkini seperti kecerdasan buatan (artificial intelligence) dan sebagainya.

Artikel ketujuh, membincangkan tentang ilmu sains yang memainkan peranan penting dalam kemajuan teknologi dan pembentukan tamadun manusia. Namun pendidikan sains moden cenderung bersifat sekular dan terpisah daripada nilai ketuhanan. Oleh itu, pengintegrasian konsep fiqh dalam pendidikan sains menjadi langkah strategik untuk menyatukan nilai Islam dengan pengetahuan saintifik secara seimbang dan holistik. Kajian ini mengenalpasti isu dan cabaran dalam usaha mengintegrasikan konsep fiqh dalam pendidikan sains.

Melalui penerapan elemen fiqh dan prinsip halalan tayyiban, pelajar bukan sahaja memahami fenomena alam secara saintifik tetapi juga mengenal kebesaran Allah SWT dan tanggungjawab mereka sebagai khalifah dalam memelihara keseimbangan alam. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen secara kualitatif terhadap artikel-artikel jurnal yang membincangkan tentang pendidikan sains dan usaha pengintegrasian konsep fiqh dalam pengajaran dan pembelajaran sains. Kajian ini mendapati antara cabaran dalam usaha integrasi konsep fiqh ke dalam pendidikan sains adalah kekangan daripada para guru yang kurang pendedahan dan kemahiran dalam menggabungkan kedua-dua bidang ilmu ini dalam pengajaran mereka. Berdasarkan analisis yang dijalankan, kajian ini mengemukakan beberapa cadangan langkah bagi memperkukuh integrasi tersebut, termasuk penekanan terhadap elemen halal dalam kandungan pengajaran sains. Pengintegrasian ini bukan sahaja dapat meningkatkan literasi saintifik pelajar, malah menyemai kesedaran nilai-nilai Islam serta kefahaman yang lebih holistik terhadap isu-isu kontemporari berkaitan makanan dan bioteknologi.

Artikel kelapan, membincangkan tentang potensi serta cabaran penggunaan teknologi AI dalam memperkasa penyampaian dakwah berasaskan al-Quran di ruang digital. Antara peluang yang dikenal pasti ialah pembangunan aplikasi interaktif berasaskan AI seperti akses global tanpa sempadan, penggunaan chatbot, platform pembelajaran al-Quran digital, pengalaman dakwah yang diperibadikan, serta AI sebagai instrumen bagi tujuan bacaan dan hafazan al-Quran (Hifz). Namun demikian, kajian ini turut menyoroti beberapa cabaran utama, antaranya risiko penularan maklumat tidak sahih, kemungkinan manipulasi terhadap kandungan wahyu, kehilangan nilai-nilai kemanusiaan, serta isu etika berkaitan penggunaan data dan algoritma (AI). Pendekatan kualitatif digunakan melalui analisis kandungan dan sorotan literatur bagi menilai kesesuaian serta keberkesanan integrasi AI dalam penyampaian mesej al-Quran secara menyeluruh dan beretika. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang ke arah pembentukan satu model dakwah maya yang autentik, inklusif dan berdaya saing dalam era teknologi pintar.

Artikel kesembilan, membincangkan tentang hubungan antara motivasi intrinsik dengan kualiti hafazan al-Quran dalam kalangan murid tahfiz di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). Isu utama yang dikenal pasti ialah tahap motivasi intrinsik murid yang berbeza-beza dan kesannya terhadap prestasi hafazan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dengan kaedah kuantitatif. Hasil kajian menunjukkan tahap motivasi intrinsik murid berada pada tahap tinggi (min = 4.65) dan tahap kualiti hafazan al-Quran juga tinggi (min = 3.72). Manakala hasil analisis korelasi menunjukkan hubungan yang signifikan dan kuat antara motivasi intrinsik dengan kualiti hafazan al-Quran ($r = 0.537$, $p < 0.01$). Implikasi kajian menunjukkan keperluan dalam mengekalkan dan penambahbaikkannya yang berterusan agar motivasi dalam eko sistem pengajaran dan pembelajaran tahfiz memberikan kesan yang positif untuk kualiti hafazan al-Quran murid.

Artikel kesepuluh, membincangkan tentang tahap penguasaan kemahiran al-Quran dan bahasa Arab, dan hubungan terhadap kedua-dua aspek tersebut dalam kalangan pelajar Dusun di Sekolah Menengah Agama al-Irsyadiah Ranau, Sabah. Hasil kajian mendapati tahap penguasaan al-Quran dan bahasa Arab dalam kalangan responden di tahap tinggi dengan nilai purata min=3.77. Manakala tahap penguasaan bahasa Arab berada di tahap sederhana dengan nilai purata min=3.65. Kajian ini juga mendapati penguasaan al-Quran dalam kalangan responden mempunyai hubungan yang signifikan terhadap penguasaan bahasa Arab ($r=0.93$, $p<0.01$). Implikasi kajian menunjukkan keperluan penambahbaikkannya yang berterusan dalam penguasaan al-Quran dan bahasa Arab dalam kalangan pelajar di sekolah.

Artikel kesebelas, Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak yang berfungsi sebagai asas dan peraturan masyarakat negeri Perak pada zaman dahulu. Walaupun undang-undang ini mencerminkan penerimaan nilai-nilai Islam, beberapa peruntukan didapati berbeza dengan prinsip undang-undang Islam sebenar yang termaktub dalam al-Quran dan Hadis. Ini menunjukkan bahawa proses Islamisasi undang-undang di Perak berlaku secara beransur-ansur dan bersifat adaptif. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti sejarah perkembangan Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak sebagai tapak awal pembentukan undang-undang Islam di negeri tersebut serta menilai sejauh mana peruntukan undang-undang ini berbeza daripada hukum Islam sebenar. Penyelidikan ini memfokuskan kepada perkembangan undang-undang di Perak pada abad ke-17, berdasarkan analisis fasal dalam buku Umpama Sebuah Bahtera: Kajian Naskhah Melayu Sejarah Kesultanan Negeri Perak terbitan Arkib Negara Kuala Lumpur. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan metode analisis kandungan untuk mengumpul dan menilai data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemerintahan Islam di Perak pada abad ke-17 dan seterusnya banyak dipengaruhi oleh keturunan Sayyid dari Hadramaut, Yaman yang memainkan peranan penting dalam penyebaran prinsip Islam dalam pentadbiran dan perundangan. Selain itu, Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak dilihat lebih menekankan hukum adat Melayu lama yang dicampuradukkan dengan elemen Islam dalam beberapa fasal tertentu yang membentuk satu sistem hukum transisional yang mengintegrasikan tradisi tempatan dengan nilai-nilai agama.

Artikel kedua belas, membincangkan tentang pembangunan modal insan yang berkualiti melalui keberkesanan latihan, dengan memanfaatkan idea, konsep dan teori yang dicadangkan oleh para sarjana Islam dan Barat yang terkemuka. Pembangunan yang berkesan dapat menghasilkan individu yang memahami, menghayati dan mengaplikasikan ilmu pengetahuan secara konsisten dalam kehidupan seharian mereka. Tumpuan utama perbincangan ini adalah sumbangan al-Ghazali, Ibn Khaldun, al-Nawawi, Adam Smith, Schultz dan Becker, yang karyanya menawarkan pandangan yang luas tentang perkembangan manusia. Perbandingan perspektif mereka mendedahkan perbezaan yang ketara dalam mentafsir peranan latihan: sementara sarjana Barat menekankan produktiviti ekonomi dan pulangan yang boleh diukur, sarjana Islam mengetengahkan pembangunan holistik yang menggabungkan penambahbaikan intelektual, emosi dan rohani.

Semoga artikel-artikel yang telah diterbitkan dalam Jurnal al-Makrifah Issue 2 ini, dapat memberikan manfaat kepada semua lapisan peringkat pembaca. Terima kasih.

Abd Hadi bin Borham

Chief Editor

Al-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture